

12/11/1999

Rakyat nilai sumbangan Barisan

KANGAR, Khamis - Rakyat negara ini adalah golongan cerdik yang mampu menilai sumbangan serta kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) berbanding prestasi parti pembangkang.

Justeru, mereka tidak akan memperjudikan keamanan dan kemakmuran dengan menyerahkan pucuk pemerintahan kepada parti pembangkang yang lebih banyak mengkritikan daripada melakukan sesuatu berfaedah serta memberi teguran membina.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata rekod perkhidmatan antara faktor utama yang sangat dititikberatkan rakyat dalam membuat pemilihan.

"Saya yakin majoriti rakyat tidak mahu nasib mereka dan negara ini tergadai jika pembangkang memerintah kerana selama ini tiada apa pun disumbangkan pihak itu.

"Sebaliknya, BN bukan saja mampu membawa kemakmuran, malah sudah terbukti berupaya menangani masalah besar seperti kemelut ekonomi dalam tempoh singkat tanpa tunduk kepada tekanan pihak luar," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN negeri berkata, atas faktor itu, tiada alasan untuk BN tidak memenangi pilihan raya umum kali ini serta mendapat kepercayaan lebih dua pertiga daripada rakyat.

Mengenai senarai calon, Shahidan berkata, ia sudah disiapkan dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila diminta.

"Kriteria utama pemilihan calon BN ialah mengambil kira komitmen seseorang itu terhadap parti selama ini serta berupaya memberi sumbangan ke arah kemajuan negeri," katanya.

Beliau berharap pilihan raya kali ini dapat dijalankan dengan aman tanpa sebarang kekacauan ditimbulkan oleh parti pembangkang yang begitu agresif menjelang pilihan raya ini.

(END)